

Cadangan kepada pencinta alam

Atasi kebakaran hutan: Mahathir

84 08 OCT 1991

Oleh ZAMZAM OMAR, WAN HAMIDI HAMID, SALBIAH ANI, MUTAZAR ABD GHANI, NORAZAMI TALIB, MOHAMED SAID dan AHMAD SHAUQI

KUALA LUMPUR, Isnin — Pencinta alam dari negara maju yang secara sukarela mengadakan demonstrasi isu pembalakan dan alam sekitar, perlu membuat penyelidikan terhadap kebakaran hutan di rantau ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kumpulan itu juga wajar secara sukarela menghentikan masalah? kebakaran hutan sebagaimana usaha mereka menghentikan kegiatan membalak yang didakwa berlaku tanpa kawalan.

“Malaysia tidak pernah mengundang mana-mana kumpulan mengadakan demonstrasi terhadap isu pembalakan tetapi mereka tetap datang untuk tujuan itu.

“Jadi, jika mereka secara sukarela boleh datang untuk itu, kumpulan pencinta alam berkemungkinan juga mestilah berusaha



dan menghantar pelbagai alat memadam kebakaran bagi mengatasi kebakaran hutan di rantau ini,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Asean ke-23 (AEM), di sini hari ini.

Beliau berkata, kempen alam sekitar terhadap negara membangun tidak ada kaitannya dengan alam sekitar tetapi lebih berupa satu bentuk amalan zaman penjajah. Asean berusaha gigih untuk mewujudkan keadaan alam sekitar yang baik dan seharusnya mendapat pujian.

Dalam ucapannya, beliau berkata kebakaran hutan kini yang menyebabkan cuaca berjerebu di negara-negara Asean, mendatangkan kesan lebih buruk berban-

ding penebangan hutan dikawal.

Katanya, kebakaran bukan sahaja memusnahkan semua spesis hutan, pelbagai hidupan lain, hakisan tanah, karbon dioksida memenuhi ruang angkasa malah manusia yang bergantung rezeki di situ juga hilang mata pencarian.

“Tetapi ketika seluruh dunia Barat mengecam kita berhubung penebangan pokok tropika dan mengugut untuk memulau barangan dan menghancurkan ekonomi rantau ini, tidak ada langsung mendengar suara mengenai usaha memadamkan kebakaran hutan yang seringkali kita hadapi.

“Mereka hanya menyepi mungkin disebabkan jerebu itu tidak merebak di sana atau mungkin kerana usaha itu tidak semulia seperti menjadi jaguh memperjuangkan kaum Penan,” katanya.

Perdana Menteri menegaskan negara maju boleh berbuat sesuatu yang positif untuk mengawal kebakaran hutan seperti mana mereka gigih berusaha memadamkan kebakaran api di telaga minyak.

“Mereka tidak berbuat demikian malah tidak ada sepetah perkataan muncul daripada mulut pencinta alam di sana atau wakil mereka di sini,” katanya.